

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 36

Penyimpan kira Perniagaan Aman Jaya tidak membuat pelarasan hari imbalan. Baki-baki akaun yang telah diambil daripada penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Disember 2016 ialah:

	RM
Kenderaan pada kos	80,000
Perabot pada kos	16,500
Susutnilai Terkumpul Kenderaan	34,200
Susutnilai Terkumpul Perabot	3,940
Inventori akhir	9,500
Inventori alat tulis	210
Akaun belum terima	2,190
Peruntukan hutang ragu	68
Bank	3,276
Tunai	710
Akaun belum bayar	4,205
Pinjaman	18,000
Modal	32,480
Untung bersih	19,493

Pelarasan perlu dilakukan untuk perkara-perkara berikut:

- (i) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan dan perabot pada kadar 20% setahun atas kos. Perabot bernilai RM2,500 telah di beli pada 1 Oktober 2016.
- (ii) Kadar faedah atas pinjaman ialah 8% setahun. Pinjaman ini telah dibuat pada 1 April 2016 dan jumlah faedah yang telah dibayar sehingga akhir tahun 2016 dan telah diambil kira semasa penyediaan akaun untung rugi ialah RM800.
- (iii) Seorang akaun belum terima yang berhutang RM240 perlu dihapuskan. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas baki akhir akaun belum terima.
- (iv) Sewa premis ialah RM800 sebulan. Baki kredit akaun sewa pada awal tahun berjumlah RM1,200 dan sewa yang dibayar sepanjang tahun 2016 ialah RM10,000. Penyimpan kira telah memindahkan baki akaun sewa ke akaun untung rugi tanpa melakukan pelarasan.
- (v) Premium insurans dipindahkan ke akaun untung rugi ialah RM1,400. Jumlah ini termasuk premium bulan Januari dan Februari 2017 sebanyak RM200.
- (vi) Inventori alat tulis pada akhir tahun berjumlah RM60.

Dikehendaki:

(a) Merekodkan perkara-perkara di atas mengikut format jadual yang diberikan di bawah:

Akaun-akaun	Urus niaga							
	Baki awal	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	Baki akhir
ASET	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kenderaan								
Perabot								
Invnetori								
Akaun belum terima								
Bank								
Tunai								
Insurans terdahulu								
Inventori alat tulis								
Jumlah Aset								
LIABILITI								
Akaun belum bayar								
Pinjaman								
Sewa terakru								
Faedah pinjaman terakru								
Jumlah liabiliti								
EKUITI PEMILIK								
Modal								
Untung bersih								
Jumlah ekuiti pemilik								

(b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Disember 2016 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.